

**Terma-terma dan Syarat-syarat
Kempen "CIMB Bank Petronas Voucher Campaign for CPL II"**

Tempoh Kempen

1. Kempen CIMB Bank "Petronas Voucher Campaign for CPL II" ("**Kempen ini**") adalah dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad, (13491-P) ("**CIMB Bank**") dan akan berlangsung dari 1 November 2018 sehingga 31 January 2019, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
2. CIMB Bank menyimpan hak untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar.

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka secara eksklusif kepada semua rakyat Malaysia yang layak untuk memohon Pinjaman Peribadi Cash Plus CIMB Bank ("**Pinjaman Peribadi CIMB**") melainkan orang/entity yang berikut:
 - (i) Kakitangan atau pekerja tetap dan/atau sementara CIMB Bank (termasuk subsidiari-subsidiari dan/atau syarikat-syarikat berkenaannya) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibubapa, adik-beradik); dan/atau
 - (ii) Wakil dan/atau ejen (termasuk ejen pengiklanan dan kempen, penjual pihak ketiga dan pembekal perkhidmatan) CIMB Bank (termasuk subsidiari-subsidiari dan/atau syarikat-syarikat berkenaannya) dan pekerja tetap dan/atau kontrak dan/atau ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/atau
 - (iii) Mana-mana perkongsian, organisasi/persatuan kebajikan/bukan untung, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.

(Selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Peserta yang Layak**").

Kriteria Penyertaan

4. Peserta yang Layak yang memohon melalui Laman Web CIMB Bank mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - i) Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 21 tahun; dan
 - ii) Memohon dan memuat naik dokumentasi lengkap bagi Pinjaman Peribadi CIMB semasa Tempoh Kempen melalui laman web CIMB Bank di (<https://www.cimbbank.com.my/en/personal/products/loans/personal-loans/cash-plus-personal-loan-application-form.html>) dengan mengikuti langkah-langkah yang disebutkan di dalamnya dan apabila mencapai bahagian 'Memuat Naik Dokumen' dalam Langkah 3 proses permohonan,

memuat naik dokumen yang diperlukan seperti yang disenaraikan dalam halaman selepas itu dengan memilih 'Memuat Naik Imbasan atau Gambar'. Bagi mengelakkan keraguan, Peserta yang Layak yang mengklik pada butang 'Memuat Naik Kemudian' atau 'Mengimbas dokumen anda dan menghantar ia kepada kami melalui e-mel' dan tidak memuat naik dokumen yang diperlukan serta-merta semasa mengemukakan permohonan tidak memenuhi kriteria penyertaan di bawah Kempen ini; dan

- iii) Jumlah Pinjaman Peribadi CIMB telah diluluskan, dikeluarkan sepenuhnya dalam Tempoh Kempen dari CIMB Bank ke akaun Semasa/Simpanan CIMB Bank atau bank lainan Peserta Yang Layak dan Peserta Yang Layak telah membayar ansuran pertama Pinjama Peribadi CIMB mereka.
5. Peserta yang Layak yang memohon melalui Mesin Teler Automatik CIMB Bank (ATM) mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
- i) Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 21 tahun; dan
 - ii) Memohon melalui Mesin Teler Automatik CIMB Bank (ATM) dengan memilih "Ya, sila hubungi saya" dan selepas itu Peserta yang Layak akan dihubungi oleh perunding telemarketer CIMB Bank untuk melengkapinya penyerahan permohonan; dan
 - iii) Jumlah pembayaran minimum Pinjaman Peribadi CIMB yang diluluskan adalah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000); dan
 - iv) Jumlah Pinjaman Peribadi CIMB telah diluluskan, dikeluarkan sepenuhnya dalam Tempoh Kempen dari CIMB Bank ke akaun Semasa/Simpanan CIMB Bank Peserta Yang Layak dan Peserta Yang Layak telah membayar ansuran pertama Pinjama Peribadi CIMB mereka.
6. Peserta yang Layak yang memohon melalui Clicks mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
- i) Warganegara Malaysia yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun; dan
 - ii) Memohon dan memuat naik dokumentasi lengkap bagi Pinjaman Peribadi CIMB melalui CIMB Clicks dan/atau Laman Web CIMB semasa Tempoh Kempen; dan
 - iii) Jumlah pembayaran minimum Pinjaman Peribadi CIMB yang diluluskan adalah Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000); dan
 - iv) Jumlah Pinjaman Peribadi CIMB telah diluluskan, dibayarkan sepenuhnya dalam Tempoh Kempen oleh CIMB Bank ke akaun Semasa/Simpanan CIMB Bank Peserta Yang Layak dan Peserta Yang Layak telah membayar ansuran pertama Pinjaman Peribadi CIMB mereka.

(Selepas ini secara kolektif dirujuk pada Klausa 4, 5 dan 6 sebagai "**Kriteria Penyertaan**").

Hadiah

7. Sekeping Baucar Petronas RM150 ("**Hadiah**") akan disediakan kepada Peserta yang Layak yang memenuhi Kriteria Penyertaan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.
8. Hadiah ini adalah baucar fizikal/kad hadiah yang dikeluarkan oleh saudagar yang mengambil bahagian untuk digunakan hanya di cawangan saudagar yang mengambil bahagian tersebut mengikut tarikh luput yang dinyatakan pada baucar.
9. Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di sini, Hadiah akan dihantar ke alamat surat-menyurat Peserta yang Layak melalui pos berdaftar dalam masa dua belas (12) hingga empat belas (14) minggu selepas Kempen tamat. CIMB Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Peserta yang Layak untuk menghantar Hadiah kepada mana-mana alamat pihak ketiga. Hadiah tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit atau apa-apa jenis, dalam sebahagian atau dalam sepenuhnya.
10. Peserta Layak hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon dan/atau alamat emel dan/atau alamat mel mereka yang dibekalkan adalah terkini dan dikemaskini dengan CIMB Bank. Pemberitahuan dan/atau penghantaran Hadiah oleh CIMB Bank akan berdasarkan kepada nombor telefon dan alamat mel setiap Peserta Layak di Malaysia yang dikekalkan dengan CIMB Bank. Penghantaran Hadiah hanya sah bagi alamat mel yang berada dalam Malaysia, dan tidak akan sah bagi alamat mel yang berada di luar Malaysia. Peserta Layak dengan alamat mel yang berada di luar Malaysia akan diperlukan untuk membekalkan satu alamat mel yang berada dalam Malaysia, atau mengutip Hadiah dari satu cawangan CIMB Bank. Bagi Peserta Layak yang tidak mempunyai alamat mel di Malaysia, Peserta Layak yang layak untuk Hadiah mesti menghubungi pegawai Perkhidmatan Pelanggan CIMB pada nombor telefon 03-6204 7788 untuk memberitahu CIMB Bank sama ada pengutipan Hadiah dari satu cawangan CIMB Bank atau penghantaran Hadiah ke satu alamat mel di Malaysia yang diberikan. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Layak ke atas apa-apa kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang mengalir daripadanya) yang dialami atau bagi apa-apa kegagalan untuk memenuhi penghantaran Hadiah sekiranya nombor telefon dan/atau alamat mel Peserta Layak dalam rekod CIMB Bank bukannya terkini atau tepat.
11. Penerimaan dan penggunaan Hadiah oleh Peserta yang Layak adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh penjual/pembekal. Sebarang pertikaian dan/atau pertanyaan yang berkaitan dengan Hadiah perlu dibuat terus kepada penjual/pembekal dan CIMB Bank tidak akan menanggung atau bertanggungjawab terhadap kegunaan dan/atau ketidakgunaan Hadiah oleh Peserta yang Layak. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB Bank secara nyata mengecualikan dan menafikan apa-apa representasi, waranti atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, kepada semua Hadiah dan tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab kepada Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini. Sebarang pertanyaan dan aduan berkenaan dengan Hadiah harus dirujuk kepada penjual/ pembekal Hadiah. CIMB Bank mengecualikan apa-apa waranti kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian bagi tujuan berkenaan dengan Hadiah. Hadiah tidak diperakui oleh CIMB Bank dan tidak akan di bawah apa-apa

keadaan bahawa kemasukan mana-mana Hadiah dalam Kempen ini dianggap sebagai pengendorsan atau cadangan Hadiah oleh CIMB Bank. Liabiliti CIMB Bank berkenaan dengan Hadiah hanya untuk menanggung harga pembelian yang sama.

Terma-terma dan Syarat-syarat Am

12. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat dan juga bersetuju kepada CIMB Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan secara adil dan munasabah oleh CIMB Bank berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang akan diberi dan penentuan pemenang, hendaklah muktamad, terikat dan konklusif.
13. Akaun Pinjaman Peribadi CIMB Peserta Layak (i) MESTI tidak memungkiri terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Pinjaman Peribadi CIMB DAN (ii) MESTI tidak ditamatkan atau ditutup atau menjadi tertakluk kepada apa-apa penahanan, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, delinkuen, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan Hadiah, jika tidak Peserta Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dibatalkan.
14. CIMB Bank menyimpan hak mengikut budi bicara tunggal untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ia tentukan telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak memungkiri atau berpotensi memungkiri Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
15. CIMB Bank menyimpan hak untuk mengganti Hadiah dengan item lain yang bernilai setara dan/atau melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini dengan memberi notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Peserta Layak. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini oleh CIMB Bank tidak akan melayakkan mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain siapa jua kepada apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap CIMB Bank bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada tindakan pelanjutan, pemendekkan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantungkan Kempen ini.
16. CIMB Bank tidak menjamin bahawa Kempen ini akan berlangsung tanpa gangguan dan/atau tanpa ralat. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak dengan ini mengakui dan secara tidak boleh batal bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa cara jua terhadap apa-apa kegagalan teknikal tidak kira jenisnya, apa jua campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia yang berbangkit daripada dan dibawah Kempen ini melainkan ianya adalah berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkar sengaja CIMB Bank.

17. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB Bank tidak akan dalam apa cara sekalipun bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak sekiranya CIMB Bank tidak dapat melaksanakan dalam sepenuhnya atau dalam sebahagiannya apa-apa kewajipannya di sini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor dalam sifat "*force majeure*" yang berada di luar kawalan munasabah CIMB Bank.
18. CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak ke atas apa-apa kehilangan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) walau bagaimanapun ia timbul, berhubungan dengan penyertaan atau bukan penyertaan dalam Kempen ini termasuk akibat daripada apa-apa kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan oleh Peserta Layak Khidmat Pesanan Ringkas ("**SMS**") melainkan ia hendaklah akibat daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuiaan sengaja atau keingkaran melampau CIMB Bank.
19. CIMB Bank menyimpan hak dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubahsuaikan (sama ada dengan penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya) ("**Pindaan**") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan hendaklah dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB Bank melalui mana-mana satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Bank dan cawangan CIMB Bank atau kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank di mana peruntukan terperinci berkenaan dengan Pindaan boleh dibekalkan dalam notis tersebut atau boleh dibekal kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan melaksanakan iklan berkenaan dengan Pindaan dalam sebuah surat khabar pilihan CIMB Bank atau melalui mana-mana kaedah pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB Bank dan Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain seperti yang boleh ditentukan oleh CIMB Bank dalam pemberitahuan. Peserta Layak/Pelanggan mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web CIMB Bank secara berkala untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan terkini apa-apa pertukaran atau pengubahsuaian terma-terma dan syarat-syarat ini.
20. Tiada pampasan tunai atau dalam apa-apa bentuk akan diberi kepada Peserta Layak bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak secara langsung atau tidak langsung akibat daripada pindaan, pengubahsuaian, pemadaman, penambahan atau perubahan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
21. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (sebagaimana ianya boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 19) hendaklah mengatasi mana-mana peruntukan-peruntukan atau representasi-representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan

promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Pinjaman Peribadi CIMB dan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Pinjaman Peribadi CIMB yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.

22. CIMB Bank tidak menanggung sebarang tanggungjawab atas sebarang implikasi cukai, cukai barangan dan perkhidmatan, kos sampingan dan/atau sebarang caj dan/atau gantirugi lain yang diakibatkan oleh mana-mana Hadiah dan/atau kegagalan pemenuhan kewajipan mana-mana agen/pengedarnya. Sebarang obligasi pemfailan cukai atau pembayaran cukai yang kena dibayar kepada mana-mana pihak berkuasa atau sebarang kos sampingan dan/atau sebarang caj lain yang mungkin berbangkit akibat daripada penerimaan Hadiah kekal sebagai tanggungjawab tunggal peserta yang layak. Ia adalah tanggungjawab setiap peserta yang layak untuk mendapatkan nasihat bebas tentang kemungkinan implikasi cukai di bawah Kempen ini.
23. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris atau versi bahasa lain terma-terma dan syarat-syarat ini, versi Bahasa Inggeris terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan dicatat dan diakui oleh CIMB Bank dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia terma-terma dan syarat-syarat Pinjaman Peribadi CIMB telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan Pinjaman Peribadi CIMB Peserta Layak, maka versi Bahasa Malaysia terma-terma dan syarat-syarat di sini akan mengatasi yang lain.
24. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, Peserta yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank di alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile berikut (atau mempunyai alamat, nombor-nombor telefon dan faksimile lain yang boleh diubah oleh CIMB Bank dengan memaklumkan Peserta yang Layak): CIMB Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan, Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Telefon +603 6204 7788 / CRU@cimb.com